

# Simposium UMS, SMKA Limauan bantu ketengah isu pembangunan Sabah

UB 4.5.2017 A8

KOTA KINABALU: Simposium Peranan Alumni Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Limauan anjuran bersama SMKA Limauan dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) baru-baru ini mampu mengetengahkan pelbagai aspek berkaitan pembangunan Negeri Sabah melalui sesi perbincangan ilmiah antara peserta dari pelbagai latar belakang.

S imposium yang mengumpulkan seramai 200 peserta yang terdiri daripada mantan guru-guru dan alumni SMKA Limauan dari tahun 1977 sehingga 2003 turut melibatkan beberapa ahli akademik UMS bagi membincangkan isu-isu seperti pengurusan sains

dan teknologi, pendidikan dan pembangunan, sosio ekonomi dan sejarah sekolah berkenaan.

Turut berlangsung forum bertajuk 'Keunikan Tarkiyab Limauan: Dari Kepayahan Hingga Kejayaan' yang membariskan tiga ahli panel iaitu Pengarah Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (Yadim) Cawangan Sabah Haji Saimin Ongki, Ketua Sektor Pengurusan Islam, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah Dr Haji Mohd Kassim Tusin, dan Setiausaha Akademik Institut Perguruan (IPG) Kampus Tengku Ampuan Afzan Mohd Rasdi Saanah.

Sementara itu, Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Datuk Arifin Arif

ketika menyampaikan ucapan perasmian penutupan berkata pertemuan besar alumni SMKA Limauan itu mampu memberi impak yang besar ke arah persaudaraan serta menjadikan alumni sebagai nadi penggerak kemajuan negeri Sabah dalam setiap aspek khususnya menyediakan modal insan kelas pertama dalam mendepani dunia yang semakin mencabar.

Turut hadir, Pengurus Penaja Persatuan Alumni SMKA Limauan Hj Salman Hj Ismail, Pendaftar UMS No'man Ahmad yang juga pengurus penganjur simposium, dan mantan pengetua pertama SMKA Limauan Ustaz Hj Ismail Hassan.



**SALMAN** (dua kiri) menyerahkan resolusi simposium kepada Arifin, sambil diperhatikan No'man (kiri) dan Ismail (kanan).